



KERAJAAN NEGERI SABAH

PEKELILING
KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH BIL.5/2025
PENETAPAN KADAR ELAUN DAN KEMUDAHAN BAGI
AHLI LEMBAGA PENGARAH BADAN BERKANUN NEGERI
SERTA ANAK SYARIKATNYA DAN BADAN PEMEGANG
AMANAH SERTA ANAK SYARIKATNYA

KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH



KERAJAAN NEGERI SABAH

[KEW 100-4/4 JLD.10 (167)]

23 Januari 2025

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Badan Pemegang Amanah
Semua Ketua Syarikat Kerajaan Negeri

PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH BIL.5/2025
PENETAPAN KADAR ELAUN DAN KEMUDAHAN BAGI
AHLI LEMBAGA PENGARAH BADAN BERKANUN NEGERI (BBN)
SERTA ANAK SYARIKATNYA DAN BADAN PEMEGANG AMANAH (BPA)
SERTA ANAK SYARIKATNYA

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semakan semula ke atas Penetapan Kadar Elaun dan Kemudahan bagi Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun Negeri (BBN) serta anak syarikatnya dan Badan Pemegang Amanah (BPA) serta anak syarikatnya;
- 1.2 Memberi panduan kepada BBN serta anak syarikatnya dan BPA serta anak syarikat dalam menetapkan kadar elaun dan kemudahan kepada Ahli Lembaga Pengarah; dan
- 1.3 Meningkatkan tadbir urus dan pengurusan kewangan BBN serta anak syarikatnya dan BPA serta anak syarikatnya agar dapat berbelanja dengan berhemah dan mematuhi peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa memandangkan peruntukan sebahagian BBN dan BPA adalah daripada Kerajaan Negeri.

“SABAH MAJU JAYA”

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada masa ini, pekeliling mengenai elaun dan kemudahan kepada Ahli Lembaga Pengarah BBN adalah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.4 Tahun 2011.
- 2.2 Namun bagi tujuan penambahbaikan, Kementerian Kewangan telah mengkaji semula dan mengemukakan syor perubahan kepada Jemaah Menteri. Keputusan Jemaah Menteri di dalam mesyuaratnya yang diadakan pada 22 Januari 2025 telah meluluskan penetapan baharu kadar elaun dan kemudahan kepada Ahli Lembaga Pengarah BBN serta anak syarikatnya dan BPA serta anak syarikatnya.

3. KADAR ELAUN DAN KEMUDAHAN

- 3.1 Kadar elaun dan kemudahan yang ditetapkan kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Ahli Biasa dan Ahli Silih Ganti bagi BBN serta anak syarikatnya dan BPA serta anak syarikatnya adalah seperti di [Lampiran A](#).
- 3.2 Pengarah/ Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengurus Besar/ Setiausaha Eksekutif/ Pengarah Urusan adalah **tidak layak** dibayar Elaun dan Kemudahan dalam Pekeliling ini sekiranya jenis elaun dan kemudahan tersebut telah dibayar oleh BBN/ BPA/ anak syarikat untuk jawatan yang dijabat iaitu sebagai Pengarah/ Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengurus Besar/ Setiausaha Eksekutif/ Pengarah Urusan.

4. PELAKSANAAN

- 4.1 Pelaksanaan pemberian elaun dan kemudahan di bawah Pekeliling ini hendaklah terlebih dahulu diluluskan oleh Lembaga Pengarah BBN/ BPA serta Yang Berhormat Menteri berkenaan tertakluk kepada peruntukan berkaitan di bawah Enakmen/ Ordinan penubuhan/ pemerbadanan BBN/ BPA.
- 4.2 Sebarang pelaksanaan yang tidak mematuhi Pekeliling ini hendaklah mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan.

- 4.3 Kadar Elaun dan Kemudahan yang ditetapkan ini adalah merupakan had atau unit **maksimum** yang boleh diberikan oleh BBN serta anak syarikatnya dan BPA serta anak syarikatnya kepada Ahli Lembaga Pengarah masing-masing tertakluk kepada prestasi kewangan BBN/ BPA/ anak syarikat masing-masing.

5. PEMAKAIAN

- 5.1 Pekeliling ini hendaklah **dipatuhi** oleh BBN serta anak syarikatnya dan BPA serta anak syarikatnya.
- 5.2 Pemberian atau kenaikan elaun dan kemudahan kepada Ahli Lembaga Pengarah adalah berdasarkan kepada kemampuan kewangan BBN serta anak syarikatnya dan BPA serta anak syarikatnya. **Tiada peruntukan tambahan** akan diberikan bagi tujuan ini.
- 5.3 Kadar elaun yang ditetapkan adalah kadar maksimum. BBN serta anak syarikatnya dan BPA serta anak syarikatnya boleh membayar kadar yang lebih rendah daripada yang dinyatakan.
- 5.4 Ahli Lembaga Pengarah **tidak layak** menuntut sebarang elaun yang terdapat dalam Pekeliling ini bagi program/ aktiviti yang bukan dibawah kelolaan BBN dan anak syarikatnya dan BPA serta anak syarikatnya.
- 5.5 Bagi BBN serta anak syarikatnya dan BPA serta anak syarikatnya yang mengguna pakai kadar semasa melebihi kadar yang ditetapkan dalam Pekeliling ini, boleh memilih untuk terus kekal dengan kadar tersebut sehingga tamat tempoh pelantikan.
- 5.6 Mana-mana pelantikan baharu Ahli Lembaga Pengarah hendaklah mematuhi kadar yang ditetapkan dalam Pekeliling ini.
- 5.7 Ahli Lembaga Pengarah hanya boleh dibayar salah satu (1) sama ada Elaun Bulanan **atau** Elaun Kehadiran Mesyuarat.
- 5.8 Untuk mengawal kos operasi BBN dan BPA, pewujudan Jawatankuasa Kecil hendaklah dihadkan tidak melebihi sepuluh (10) Jawatankuasa Kecil.
- 5.9 Ahli Jawatankuasa Kecil **tidak layak** dibayar Elaun Bulanan dan hanya akan dibayar Elaun Kehadiran Mesyuarat sahaja. Elaun Kehadiran Mesyuarat untuk setiap Jawatankuasa Kecil akan dibayar **terhad** kepada enam (6) kali mesyuarat dalam setahun sahaja.

- 5.10 Bagi Insurans Indemniti hendaklah diambil daripada Progressive Insurance Sdn. Bhd.
- 5.11 Syarikat Kerajaan Negeri (GLC) boleh menjadikan Pekeliling ini sebagai **rujukan** apabila menetapkan polisi pembayaran elaun dan kemudahan Ahli Lembaga Pengarah syarikat masing-masing.

6. TARIKH KUATKUASA

- 6.1 Pekeliling Kementerian Kewangan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.
- 6.2 Bagi kemudahan Elaun Bulanan, Pekeliling ini berkuatkuasa bermula dari elaun bulan Januari 2025.

7. PEMBATALAN DAN PINDAAN

- 7.1 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.4 Tahun 2011 bertarikh 08 September 2011 adalah **dibatalkan**.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menandatangani amarah,

[DATUK MOHD SOFIAN ALFIAN NAIR]

Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan

“SABAH MAJU JAYA”

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU

Peguam Besar
Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah
Aras 22 & 23, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU

Pengarah
Bahagian Kabinet dan Dasar
Jabatan Ketua Menteri
Aras 27, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Audit Dalam Negeri
Tingkat 7-11, Blok B
Wisma Tun Fuad Stephens
Jalan Tuaran, Karamunsing
88646 KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Audit Negara Negeri Sabah
Wisma Audit Sabah
KM 2.4, Jalan Tuaran
Beg Berkunci No. 2021
88400 KOTA KINABALU

LAMPIRAN A**KADAR ELAUN DAN KEMUDAHAN PENERUSI, TIMBALAN PENERUSI, AHLI BIASA DAN AHLI SILIH GANTI LEMBAGA PENGARAH BADAN BERKANUN NEGERI SERTA ANAK SYARIKATNYA DAN BADAN PEMEGANG AMANAH SERTA ANAK SYARIKATNYA – BERKUATKUASA 23 JANUARI 2025**

Bil.	Jenis Elaun dan Kemudahan	Pengerusi	Timbalan Pengerusi	Ahli Biasa	Ahli Silih Ganti
1.	Elaun Bulanan (Kadar Maksimum)	RM8,000.00	RM6,000.00	RM2,000.00	Tiada
2.	Elaun Kehadiran Mesyuarat (Kadar Maksimum)	Tiada	Tiada	Tiada	RM1,000.00 setiap mesyuarat*
3.	Elaun Mempengerusikan Mesyuarat	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
4.	Elaun Kakitangan Rumah	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
5.	Elaun Kemudahan Telefon (Kadar Maksimum)	RM250.00 sebulan	RM100.00 sebulan	RM100.00 sebulan	Tiada
6.	Elaun Keraian	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
7.	Elaun Hotel/ Penginapan -Di Luar Pejabat -Di Luar Negeri -Di Luar Negara	Mengikut Kelayakan Pembantu Menteri	Mengikut Kelayakan Pegawai Gred 52	Mengikut Kelayakan Pegawai Gred 52	Tiada
8.	Elaun Hidup Harian Masa Bertugas Rasmi -Di Luar Pejabat -Di Luar Negeri -Di Luar Negara	Mengikut Kelayakan Pembantu Menteri	Mengikut Kelayakan Pegawai Gred 52	Mengikut Kelayakan Pegawai Gred 52	Tiada
9.	Kemudahan Perjalanan	Kelas Perniagaan	Kelas Ekonomi	Kelas Ekonomi	Tiada

**Terhad kepada satu (1) kali bayaran sebulan*

LAMPIRAN A

KADAR ELAUN DAN KEMUDAHAN PENERUSI, TIMBALAN PENERUSI, AHLI BIASA DAN AHLI SILIH GANTI LEMBAGA PENGARAH BADAN BERKANUN NEGERI SERTA ANAK SYARIKATNYA DAN BADAN PEMEGANG AMANAH SERTA ANAK SYARIKATNYA – BERKUATKUASA 23 JANUARI 2025 (SAMB.)

Bil.	Jenis Elaun dan Kemudahan	Pengerusi	Timbalan Pengerusi	Ahli Biasa	Ahli Silih Ganti
10.	Kemudahan Kereta Rasmi	Dibekalkan Sebuah Kenderaan	Tiada	Tiada	Tiada
11.	Pemandu	Satu	Tiada	Tiada	Tiada
12.	Kemudahan Kelab/Rekreasi	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
13.	Kemudahan Sewa Rumah	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
14.	Kemudahan Pinjaman Kereta	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
15.	Kemudahan Perubatan (Tidak termasuk kemudahan Rawatan Gigi) (Kadar Maksimum)	RM10,000.00 setahun	RM7,000.00 setahun	RM5,000.00 setahun	Tiada
16.	Kemudahan Insurans	Insurans Indemniti	Insurans Indemniti	Insurans Indemniti	Tiada